



Komuniti nelayan muslim: Analisis kepentingan dari sudut kehidupan beragama

Dzuhalimi Dahalan¹, Turiman Suandi¹, Mohamad Rezal Hamzah², Jegak Uli¹, Jamilah Othman¹, Nobaya Ahmad¹, Nor Azliza Wanis Abdullah¹

¹Institute for Sosial Science Studies, Universiti Putra Malaysia, ²Centre for Communication Technology and Human Development, University Malaysia Perlis, Malaysia

Correspondence: Dzuhalimi Dahalan (email: dzuhailmi@gmail.com)

Abstrak

Komuniti nelayan merupakan komuniti sosial yang dikaitkan dengan usaha penangkapan hasil laut sebagai mata pencarian. Kebergantungan pada hasil tangkapan menyebabkan para nelayan banyak menghabiskan masa di laut sehingga beberapa hari lamanya. Ini kerana pekerjaan ini sangat dipengaruhi faktor cuaca yang berlaku. Kesibukan sebagai nelayan tidak sepertinya menjadi alasan bagi seseorang itu daripada tidak mematuhi kewajipan agama yang difardukan. Namun sejauh mana kepentingan dari sudut kehidupan beragama begitu dititikberatkan dalam kalangan ahli komuniti ini. Artikel ini meneliti kepentingan terhadap kehidupan beragama dari kaca mata komuniti nelayan Muslim di Selangor. Hasil kajian yang melibatkan seramai 172 orang nelayan ini menunjukkan majoriti responden tidak menjadikan kesibukan sebagai penghalang bagi mereka menunaikan kewajipan sebagai seorang Islam. Kajian juga menunjukkan kepentingan kehidupan beragama dalam keluarga serta komuniti setempat turut dititikberatkan oleh responden yang dikaji. Sungguhpun penekanan terhadap kehidupan beragama nampak ketara dalam kalangan responden namun sedikit keanehan yang memungkinkan persoalan keagamaan timbul di mana kajian mendapati majoriti nelayan masih mendapatkan khidmat bomoh/pawang untuk mendapatkan sesuatu perkara yang dihajati.

Katakunci: agama, kehidupan beragama, nelayan, nelayan muslim, persoalan akidah, sosio-ekonomi nelayan

Muslim fishermen community: The analysis of importance from Islamic lifestyle perspective

Abstract

Fishermen community is a social community that is related to the fisheries resources as the main source of income. The dependence on fisheries catches cause fishermen to spend most of their time at sea, even sometimes up to several days. This is because this profession is much being influenced by weather. The hectic tasks as fisherman should not be the excuses for an individual from performing their religion obligations. However, how far is the importance of religious lifestyle been emphasized in this community? This article examines the importance of religious lifestyle from Selangor Muslim fishermen's perspectives. The research results that involve 172 fishermen shown that majority of respondents do not make the hectic work style as an excuse to perform the obligations as a Muslim. The research also shown the importance of religious life within family and community also been stressed by the respondents involved. Even though the emphasis on religious lifestyle is visibly shown by the respondents, however there is slightly curiosity that leads to issue on religiosity whereby majority of the fishermen still use shaman/witch doctor services to fulfill their wishes.

Keywords: faith issue, fishermen, fishermen socio-economic, muslim fishermen, religion, religious lifestyle

Pengenalan

Nelayan ditakrifkan sebagai penangkap ikan di laut (Kamus Dewan, 2000). Nadi sektor perikanan sesebuah negara amat bergantung kepada survival komuniti ini. Di Malaysia, sejumlah 125,632 orang nelayan telah direkodkan bekerja di atas vesel penangkapan ikan yang berlesen pada tahun 2009 berbanding dengan 109,771 orang pada tahun 2008, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 14.45% (Jabatan Perikanan Malaysia, 2011). Pada masa yang sama, bilangan nelayan tempatan meningkat sebanyak 18.76% daripada seramai 76,719 orang pada tahun 2008. Pecahan bilangan nelayan mengikut negeri di Semenanjung Malaysia menunjukkan daripada jumlah seramai 83,873 bilangan nelayan, Selangor mencatatkan jumlah seramai 7,074 orang nelayan. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,840 orang merupakan nelayan bumiputera yang majoritinya berbangsa Melayu dan beragama Islam.

Agama: Maksud kehidupan seorang muslim

Manusia adalah sebaik-baik ciptaan Allah s.w.t. Lantaran itu, agama diturunkan oleh Allah s.w.t melalui pengutusan nabi-nabi a.s supaya manusia yang merupakan sebaik-baik ciptaan ini tidak rosak dan binasa. Kasih sayang Allah s.w.t terhadap manusia sebagai makhluk ciptaan jelas dirakamkan oleh Allah s.w.t menerusi firman-Nya yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami telah muliakan bani Adam dan Kami angkat mereka di darat dan juga di laut dan Kami beri rezeki yang baik dan Kami lebihkan mereka dari kebanyakan (makhluk) yang telah Kamijadikan dengan sebenar-benar kelebihan.”
(Surah Al-Isra':70)

Azab kebinasaan yang tidak mahu ditimpakan oleh Allah s.w.t. ke atas manusia bukan hanya sekadar di kehidupan dunia malah turut menjangkau balasan azab yang kekal di kehidupan akhirat (selepas mati). Penciptaan neraka tidak sama sekali menggambarkan keinginan Allah s.w.t. untuk memenuhi bilangan manusia di tempat balasan ini, tetapi sekadar ingin memberi ancaman kepada mereka yang lalai dalam kalangan umat manusia. Maka, syurga juga dicipta sebagai khabar gembira yakni balasan kepada manusia yang mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Bukti kasih sayang Allah s.w.t. terhadap umat manusia telah dizahirkan dengan pengutusan 124,000 nabi-nabi a.s. ke atas muka bumi dengan tujuan supaya manusia mendapat kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Maka, tiada jalan lain untuk manusia mendapat kebahagian melainkan dengan cara mengikut petunjuk nabi yang telah diutuskan. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Wahai nabi, sesungguhnya Aku mengutusmu untuk menjadi saksi dan sebagai pembawa khabar gembira dan pemberi peringatan. Dan sebagai seorang pemanggil (mengajak) kepada agama Allah dengan izin-Nya, dan menjadi pelita yang terang.”
(Surah Al-Ahzab:45-46)

Berdasarkan petunjuk yang jelas melalui kedatangan nabi-nabi a.s., maka agama merupakan maksud yang perlu dicapai oleh individu manusia dalam setiap juzuk kehidupan mereka. Persoalan penting yang perlu diajukan pada diri sendiri bagi setiap individu Muslim yang *mukallaf* ketika menjalani kehidupan mereka 24 jam ialah apakah Allah s.w.t redha dengan perbuatan saya atau tidak? Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dan takut melanggar perintah Allah serta menjaga dirinya jangan terdedah kepada azab Allah, maka merekalah orang-orang yang beroleh kemenangan.”

(Surah An-Nur:52)

Secara mudah, agama merupakan perintah Allah s.w.t dalam setiap masa dan keadaan dengan pelaksanaannya bertepatan dengan cara nabi yang diutuskan kepada umat manusia. Sudah pasti, cara Nabi Muhammad s.a.w merupakan ikutan terbaik untuk umat manusia mutakhir ini serta diterima oleh Allah s.w.t sehingga ke hari kiamat. Menjadi seorang Muslim bermaksud penyerahan diri kepada Pencipta melalui agama yang disyariatkan.

Pengamalan agama menentukan kejayaan seseorang Muslim. Kejayaan yang dimaksudkan bukan sahaja kejayaan yang agung dan kekal abadi di kehidupan akhirat malah kejayaan yang besar di kehidupan dunia yang sementara sekitar 60 hingga 70 tahun seperti mana jangkaan hayat individu umat Muhammad s.a.w yang ditegaskan dalam sebuah hadith yang bermaksud:

“Umur umatku antara 60 hingga 70 tahun, sedikit yang melampaui itu.”
(Hadith Riwayat Tirmizi)

Kesan pengamalan agama ke atas diri seseorang di kehidupan dunia merupakan ketenangan jiwa, keberkatan rezeki serta kebahagiaan hidup. Ini kerana natijah atau hasil dari pengamalan agama akan ditunaikan oleh Allah s.w.t di kehidupan akhirat yang luas dan kekal abadi dan bukan di kehidupan dunia. Jadi, memperoleh ketenangan jiwa, kerberkatan rezeki serta kebahagian hidup merupakan tanda-tanda kejayaan yang diperoleh seseorang Muslim di kehidupan dunia yang sementara.

“Barangsiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah memperoleh keberuntungan yang sangat besar.”
(Surah Al-Ahzab:71)

Setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk berjaya di sisi Allah s.w.t. Seorang raja tidak perlu menjadi rakyat biasa untuk dia berjaya, begitu juga, rakyat biasa tidak semestinya perlu menjadi seorang raja untuk dia berjaya. Ertinya, seorang raja yang taat pada Allah dan Rasul-Nya, dia pasti mendapat jaminan kejayaan dari Allah s.w.t. Pada masa yang sama, individu Muslim yang tidak berkedudukan turut berpeluang mendapat jaminan kejayaan dari Allah s.w.t.

Justeru itu, tidak ada alasan bagi seseorang individu Muslim itu untuk mengatakan bahawa sesuatu keadaan telah menghalang dirinya daripada mentaati perintah Allah s.w.t. Begitu banyak contoh telah dirakamkan oleh Allah s.w.t di dalam Al-Quran mengenai kejayaan individu yang mempunyai pelbagai latarbelakang kehidupan.

Sosioekonomi nelayan dan cabaran kehidupan beragama

Komuniti nelayan amat bergantung kepada hasil tangkapan laut sebagai punca mata pencarian. Situasi ini turut mencerminkan penerusan kelangsungan hidup komuniti ini yang sama sekali amat signifikan dengan kegiatan ekonomi yang bersumberkan hasil laut. Kebergantungan kepada aktiviti ekonomi seperti ini semata-mata sukar memberi impak keuntungan yang tinggi, ditambah dengan faktor ketidaktentuan hasil tangkapan.

Kajian oleh Zainal (2006) menunjukkan komuniti nelayan merupakan golongan yang masih dibelenggu oleh masalah kemiskinan di tahap tegar. Purata perolehan pendapatan bulanan sebanyak RM435 (Zainal, 2006) di bawah aras kemiskinan, sudah pasti menghimpit kehidupan sehari-hari komuniti ini. Dalam pada itu, kajian oleh Turiman, *et al.* (2011) ke atas komuniti nelayan di Selangor mendapati majoriti nelayan beragama Islam di negeri ini memiliki saiz keluarga yang besar dengan catatan tertinggi bilangan ahli keluarga yang tinggal serumah seramai 14 orang. Penemuan sama (Ibrahim, 2007) turut berlaku ke atas salah satu komuniti nelayan di pantai timur Semenanjung Malaysia yang diakui masih ramai memiliki keluarga kembangan (*extended family*).

Dalam konteks nelayan beragama Islam, ketakstabilan sosioekonomi amat dibimbangi boleh menjadi punca penyebab kepada corak kehidupan beragama yang longgar dalam kalangan mereka. Ini kerana bahaya kemiskinan dari perspektif Islam berkait rapat dengan soal kemudaratan dalam pengamalan agama bagi individu Muslim yang lemah tahap keimanannya. Maksud sebuah hadith:

“Kemiskinan membawa kepada kekufuran dan hasad mengatasi qhada’ dan qadar” (Hadith Riwayat Imam Abu Naim)

Kemampuan mengamalkan agama dalam konteks nelayan beragama Islam dilihat begitu teruji jika dinilai dari kaca mata latar belakang sosioekonomi mereka. Ujian ini ditambah dengan kepesatan arus permodenan yang sedikit sebanyak memberi impak ke atas gaya kehidupan komuniti ini. Situasi sebegini tidak syak lagi kadangkala mampu mengakibatkan ketaksempurnaan berlaku dalam pengamalan agama. Oleh itu, hanya mereka yang mempunyai tahap kesabaran serta kecekalan yang tinggi sahaja yang mampu mengatasi ujian getir yang berlaku. Perihal ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t seperti berikut:

“Demi sesungguhnya akan Kami uji kamu dengan satu cubaan, iaitu kekuatan, kelaparan dan kekurangan harta, manusia dan buah-buahan. Dan berilah berita gembira bagi orang-orang yang sabar atas cubaan itu” (Al-Baqarah: 155)

Pengamalan agama tidak boleh dikesampingkan dalam apa jua keadaan seseorang Muslim sama ada dalam ujian kemiskinan atau kekayaan. Menggadaikan prinsip-prinsip agama dengan beranggapan matlamat menghalalkan cara sama sekali ditolak dalam hal ini. Parameter kejayaan yang sebenar dalam kehidupan dunia dan akhirat harus difahami dengan ukuran sejauh mana seseorang itu dapat mentaati perintah Allah s.w.t serta menjalani kehidupan seperti yang ditunjukkan oleh baginda Nabi s.a.w. Justeru, artikel yang ditulis berasaskan kajian ke atas kehidupan komuniti nelayan ini menganalisis persepsi dan amalan kehidupan beragama dalam kalangan mereka.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan pendekatan tinjauan sosial. Data dikutip menggunakan borang soal selidik yang diurus sendiri oleh responden dengan bantuan enumerator terlatih secara bersemuka. Data asal kajian melibatkan seramai 234 orang responden dan melibatkan komuniti nelayan pelbagai bangsa di Selangor. Namun penulisan ini hanya memfokuskan kepada 174 orang responden berbangsa Melayu dan beragama Islam di Selangor sahaja.

Pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam memilih responden. Aktiviti pengumpulan data dimulakan dengan temujanji yang diatur antara penyelidik dengan pegawai Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) di seluruh daerah negeri Selangor. Temujanji bertujuan menjelaskan kepada pihak pemegang taruh berkenaan maksud kajian dijalankan. Selain itu, perbincangan awal ini juga bertujuan untuk mendapatkan gambaran mengenai populasi kajian seperti rutin masa bekerja serta aktiviti harian nelayan supaya kesesuaian masa pengumpulan data dapat ditentukan secara lebih berkesan. Penyelidik turut mendapat kerjasama pihak pemegang taruh berkenaan penyebaran notis kajian lapangan di tempat-tempat strategik yang boleh dicapai oleh komuniti nelayan kawasan.

Oleh kerana terdapat kesukaran di pihak pemegang taruh untuk mengumpulkan nelayan bagi tujuan pengumpulan data kajian, maka penyelidik telah diberi kebenaran untuk menggunakan ruang pejabat nelayan kawasan untuk tujuan ini. Selain itu, pihak pemegang taruh turut memberi kebenaran kepada kumpulan penyelidik untuk menjadikan jeti-jeti nelayan kawasan sebagai tempat mengendalikan kerja lapangan. Responden yang berurusan di pejabat nelayan kawasan serta berada di jeti telah dipelawa untuk menyertai kajian lapangan dengan pengenalan diri dimulakan oleh pihak kumpulan penyelidik. Secara purata, responden mengambil masa di antara 5 ke 10 minit untuk melengkapkan borang soal selidik.

Hasil kajian dan perbincangan

Hasil kajian dimulakan dengan perbincangan ringkas mengenai latar belakang responden yang diterangkan mengikut umur, taraf pendidikan, bilangan ahli keluarga serumah serta bilangan tanggungan responden. Daripada jumlah 172 orang nelayan beragama Islam di Selangor yang dikaji, hanya 30.2% daripada responden merupakan kategori belia yang berumur 20 hingga 40 tahun. Manakala majoriti (69.8%) responden merupakan golongan dewasa. Dapatkan jelas menunjukkan golongan muda tidak begitu berminat menjadikan nelayan sebagai punca mata pencarian mereka. Situasi ini barangkali berkait rapat dengan keadaan pembangunan pesat yang berlaku khususnya di Selangor dengan penawaran peluang pekerjaan lain yang lebih menguntungkan bagi golongan belia.

Taraf pendidikan responden pula menunjukkan 46.5% daripada mereka mempunyai latar belakang pendidikan di peringkat menengah, manakala 43.6% berlatarbelakangkan pendidikan rendah dan selebihnya (9.9%) adalah tidak bersekolah. Kajian tidak mendapati jumlah responden yang memiliki latar belakang pengajian tinggi yang menceburii bidang pekerjaan sebagai nelayan. Tidak dapat dipastikan sama ada hal yang sama berlaku di negeri-negeri lain selain di Selangor.

Responden turut ditanya mengenai jumlah ahli keluarga yang tinggal serumah. Majoriti (57.2%) responden mempunyai bilangan seorang hingga lima orang ahli keluarga yang tinggal serumah. Manakala 42.8% responden mempunyai bilangan ahli keluarga yang tinggal serumah lebih daripada lima orang. Situasi menunjukkan rata-rata nelayan yang dikaji mempunyai jumlah ahli keluarga yang ramai dan tinggal sebumbung.

Bilangan tanggungan sara hidup di bawah tanggungjawab responden juga turut menunjukkan sedikit persamaan jika diambil kira dari sudut bilangan ahli keluarga yang tinggal serumah. Majoriti (76.5%) responden mempunyai jumlah tanggungan sehingga lima orang, manakala selebihnya (23.5%) memiliki jumlah tanggungan seramai enam orang ke atas.

Ringkasnya, analisis awal profil demografi responden seperti yang diringkaskan dalam Jadual 1 menemui beberapa petunjuk penting. Perbincangan umur mendapati komuniti nelayan beragama Islam yang bergantung dengan mata pencarian hasil laut di Selangor ini banyak dipelopori oleh golongan dewasa. Peringkat umur tertinggi responden yang berjaya dikesan mencecah sehingga umur 75 tahun. Selain itu, kajian turut mengesahkan bahawa komuniti nelayan beragama Islam di Selangor memiliki saiz keluarga yang besar. Bilangan ahli keluarga yang tinggal serumah tertinggi dicatatkan seramai 14 orang. Manakala, bilangan tanggungan tertinggi dicatatkan seramai 12 orang.

Jadual 1. Profil demografi terpilih responden (n=172)

| Latar belakang | Peratusan |
|--|-----------|
| Umur (n=172) | |
| 20 – 40 tahun | 30.2 |
| 41 tahun ke atas | 69.8 |
| Taraf pendidikan (n=172) | |
| Tidak bersekolah | 9.9 |
| Sekolah rendah | 43.6 |
| Sekolah menengah | 46.5 |
| Bilangan ahli keluarga serumah (n=159) | |
| 1 – 5 orang | 57.2 |
| 6 orang ke atas | 42.8 |
| Bilangan tanggungan (n=166) | |
| 0 – 5 orang | 76.5 |
| 6 orang ke atas | 23.5 |

Perbincangan seterusnya cuba mengupas salah satu persoalan utama makalah ini iaitu pengaruh profil demografi terpilih terhadap persepsi dan amalan responden tentang kepentingan kehidupan

beragama dari sudut keupayaan dankekangan masa yang dihadapi. Justeru itu, sebanyak 12 pemboleh ubah (Jadual 2) telah dibangunkan pengkaji bagi mengukur persepsi dan amalan responden mengenai kepentingan agama dalam kehidupan mereka. Skala Likert, Tidak Pernah (1), Jarang-jarang (2), Kadang-kadang (3), Kerap (4) dan Sangat Kerap (5) digunakan untuk mengukur persepsi mereka.

Kajian mendapati majoriti responden menitikberatkan amalan beragama dalam kehidupan mereka. Semua pemboleh ubah yang diajukan mendapat respon yang positif dalam kalangan responden. Pemboleh ubah tertinggi dicatatkan dengan skor min=4.59 iaitu kecenderungan responden untuk memohon perlindungan Tuhan apabila berhadapan dengan sebarang masalah. Selain itu, tiga pemboleh ubah seperti “*Saya mengasihi saudara seagama sebagaimana saya mengasihi diri saya sendiri*”, “*Saya menjadikan Al-Quran/kitab suci agama sebagai rujukan dalam kehidupan*” dan “*Saya memohon pertolongan Tuhan dahulu kemudian orang lain apabila berhadapan dengan masalah*” jelas menunjukkan bahawa responden mempunyai pegangan yang kuat pada agama. Walau bagaimanapun, skor terendah dengan catatan min=4.10 didapati pada pemboleh ubah “*Saya memperuntukkan masa untuk membaca Al-Quran/kitab suci agama saya walaupun sibuk*”.

Sungguhpun demikian, pengkaji telah membangunkan pemboleh ubah negatif yang bertujuan untuk mengukur sejauh mana amalan *khurafat* yang boleh menjerumuskan seseorang Muslim melakukan perkara-perkara *bid'ah* (pembaharuan) dalam agama dengan pernyataan “*Saya akan mendapatkan khidmat bomoh/pawang untuk sesuatu perkara*”. Pengukuran ini sangat penting oleh kerana persoalan akidah (keimanan) merupakan perkara yang paling fundamental dalam agama bagi seseorang Muslim. Persoalan syirik *khafi* (syirik tersembunyi) boleh sahaja menyebabkan setiap juzuk ibadat seseorang Muslim ditolak oleh Allah s.w.t. Tawakkal (pergantungan yang sempurna) bagi seseorang Muslim seharusnya hanya tertumpu kepada Pencipta mereka melalui ikhtiar ke atas amalan-amalan yang telah dipertunjukkan oleh Baginda Nabi Muhammad s.a.w. dan bukan dengan cara-cara yang lain. Kenyataan ini diperkuatkan dengan firman Allah s.w.t dan sabdaan Nabi s.a.w mengenai perkara ini.

“*Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan sembahyang; dan sesungguhnya sembahyang itu amatlah berat kecuali bagi orang-orang yang khusyuk*” (Al-Baqarah: 45)

“*Barang siapa yang mengerjakan sesuatu amal perbuatan, yang bukan daripada suruhan kami, maka ia ditolak*” (Hadith Riwayat Imam Abu Daud)

Kajian mendapati meskipun respon yang positif ditunjukkan responden terhadap semua pemboleh ubah yang mengukur persepsi dan amalan terhadap kepentingan kehidupan beragama namun pada masa yang sama responden masih berpegang kuat dengan amalan yang diragui boleh membawa kepada persoalan akidah seseorang Muslim. Dapatan kajian menunjukkan majoriti (85.4%) responden mengakui kerap mendapatkan khidmat bomoh/pawang untuk sesuatu perkara yang dihajati. Jadual 2 meringkaskan taburan min responden terhadap kepentingan kehidupan beragama.

Jadual 2. Taburan min responden terhadap kepentingan kehidupan beragama (n=172)

| Item | Pemboleh ubah | Min | S.P |
|------|---|------|-------|
| 1. | Saya akan memohon perlindungan tuhan bila berhadapan dengan sebarang masalah | 4.59 | 0.850 |
| 2. | <i>Saya akan mendapatkan khidmat bomoh/pawang untuk sesuatu perkara</i> | 4.42 | 1.026 |
| 3. | Saya menjadikan Al-Quran/kitab suci agama sebagai rujukan dalam kehidupan | 4.54 | 0.901 |
| 4. | Saya berusaha untuk mendalami hukum/peraturan/ajaran agama saya | 4.39 | 1.073 |
| 5. | Saya mengasihi saudara seagama sebagaimana saya mengasihi diri saya sendiri | 4.56 | 0.766 |
| 6. | Saya mengajak orang lain menuaike sembahyang/upacara agama | 4.29 | 0.978 |
| 7. | Saya berusaha untuk memahami ajaran dalam kitab suci saya | 4.38 | 0.993 |
| 8. | Saya memohon pertolongan Tuhan dahulu kemudian orang lain apabila berhadapan dengan masalah | 4.54 | 0.861 |
| 9. | Saya terlibat dengan aktiviti agama | 4.16 | 1.152 |
| 10. | Saya beriadah tanpa mengabaikan batasan agama | 4.13 | 1.151 |
| 11. | Saya memperuntukkan masa untuk membaca Al-Quran/kitab suci agama saya walaupun sibuk | 4.10 | 1.150 |
| 12. | Saya memastikan semua ahli keluarga mengamalkan ajaran agama secara menyeluruh | 4.45 | 0.907 |

Sumber: Turiman et al. (2011)

Jadual 3 pula menjelaskan perbandingan kepentingan terhadap kehidupan beragama mengikut taraf pendidikan serta bilangan ahli keluarga yang tinggal serumah dengan responden. Ujian t-Bebas telah digunakan untuk tujuan perbandingan dengan membahagikan taraf pendidikan kepada kategori sekolah rendah ke bawah dan sekolah menengah ke atas. Manakala perbandingan bilangan ahli keluarga serumah dibahagikan kepada kategori 1 hingga 5 orang dan 6 orang ke atas.

Hasil analisis Ujian t-Bebas mendapati perbezaan kategori taraf pendidikan dan bilangan ahli keluarga yang tinggal serumah dalam kalangan responden tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam persepsi dan amalan responden dari sudut kepentingan terhadap kehidupan beragama. Analisis perbezaan taraf pendidikan ke atas persepsi dan amalan responden terhadap kepentingan hidup beragama mendapati kategori sekolah rendah ke bawah ($M=4.4221$, $SP=0.71417$) dan kategori sekolah menengah ke atas [$M=4.3229$, $SP=0.77930$]; $t(172)=0.871$ $p=0.385$. Manakala, hasil analisis kepentingan terhadap kehidupan beragama berdasarkan perbezaan bilangan ahli keluarga yang tinggal serumah mendapati bilangan ahli keluarga seramai 1 hingga 5 orang ($M=4.3874$, $SP=0.74426$) dan bilangan ahli keluarga 6 orang ke atas [$M=4.3946$, $SP=0.73916$; $t(172)=-0.061$ $p=0.952$].

Jadual 3. Perbandingan kepentingan terhadap kehidupan beragama mengikut taraf pendidikan responden dan bilangan ahli keluarga yang tinggal serumah dengan responden menggunakan ujian t-bebas (n=172)

| Pemboleh ubah | n | Min | S.P | t | p |
|---------------------------------------|----|--------|--------|--------------|-------------|
| Taraf pendidikan | | | | .871 | .385 |
| Sekolah rendah ke bawah | 92 | 4.4221 | .71417 | | |
| Sekolah menengah ke atas | 80 | 4.3229 | .77930 | | |
| Bilangan ahli keluarga serumah | | | | -.061 | .952 |
| 1 – 5 orang | | | | | |
| 6 orang ke atas | 91 | 4.3874 | .74426 | | |
| | 68 | 4.3946 | .73916 | | |

Analisis korelasi *Pearson* turut dijalankan bagi menentukan hubungan di antara pemboleh ubah demografi terpilih dengan persepsi dan amalan responden terhadap kepentingan kehidupan beragama. Hasil analisis mendapat tidak terdapat perkaitan yang signifikan pada aras keertian 0.05 di antara umur dengan persepsi dan amalan responden terhadap kepentingan kehidupan beragama ($r=0.125$, $p=0.103$). Begitu juga dengan pemboleh ubah bilangan tanggungan, kajian juga mendapat tidak terdapat perkaitan yang signifikan di antara bilangan tanggungan dengan persepsi dan amalan responden terhadap kepentingan kehidupan beragama ($r=-0.47$, $p=0.547$). Jadual 4 merumuskan perkaitan pemboleh ubah terpilih dengan persepsi dan amalan responden terhadap kepentingan kehidupan beragama.

Jadual 4. Perkaitan demografi terpilih dengan persepsi dan amalan responden terhadap kepentingan kehidupan beragama

| Pemboleh ubah | <i>r</i> | <i>p</i> |
|---------------------|----------|----------|
| Umur | 0.125 | 0.103 |
| Bilangan tanggungan | -0.047 | 0.547 |

Secara keseluruhan, analisis kepentingan dari sudut kehidupan beragama dalam kalangan nelayan di Selangor mendapat majoriti (88.8%) responden menjadikan agama sebagai asas pegangan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kesibukan mencari hasil tangkapan di laut serta faktorkekangan masa pekerjaan yang sama sekali berlainan dengan bidang pekerjaan dalam komuniti kebanyakannya lain bukan penghalang bagi responden mengabaikan tuntutan agama yang khusus. Namun begitu, walaupun masih belum kritis, namun terdapat juga sebilangan kecil responden yang masih belum menjadikan agama sebagai sesuatu yang perlu dihayati dalam kehidupan mereka. Jadual 5 merumuskan dapatan keseluruhan responden dari aspek kepentingan kehidupan beragama.

Jadual 5. Taburan keseluruhan kepentingan kehidupan beragama dalam kalangan responden (n=170)

| Kepentingan Kehidupan Beragama | Frekuensi | Peratus |
|--------------------------------|-----------|---------|
| Persepsi dan Amalan Rendah | 4 | 2.4 |
| Persepsi dan Amalan Sederhana | 15 | 8.8 |
| Persepsi dan Amalan Tinggi | 151 | 88.8 |

Kesimpulan

Ringkasnya, kehidupan beragama bukan merupakan sesuatu yang asing bagi nelayan di Selangor. Responden bukan sahaja mengamalkan ajaran agama untuk diri mereka sendiri tetapi turut memastikan ahli keluarga dan masyarakat setempat mengamalkan agama dalam kehidupan mereka. Keinginan untuk terus menghayati ajaran agama dalam diri responden dibuktikan dengan ketinggian usaha yang berterusan dalam kalangan mereka mendalam hukum serta peraturan agama. Iltizam ini merupakan sesuatu yang harus dipuji walaupun profil demografi terpilih dalam kalangan mereka seperti yang dibincangkan pada peringkat awal sangat menuntut keupayaan yang luar biasa dalam kalangan mereka untuk terus memastikan agama bukan sahaja dapat diamalkan dalam diri mereka sendiri bahkan dalam keluarga dan masyarakat setempat. Namun begitu, terdapat tanda-tanda bahawa pengamalan agama dalam kalangan komuniti nelayan telah dicampur aduk dengan amalan yang boleh menyimpang dari agama sehingga menimbulkan persoalan akidah dan kepercayaan. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya kefahaman dan penghayatan konsep akidah yang murni dalam kalangan mereka sebagaimana yang dituntut oleh Islam itu sendiri. Kurangnya pendedahan terhadap ilmu tentang akidah Islam yang murni kerana kekangan masa dalam kalangan nelayan mungkin menjadi punca kepada pengamalan tersebut. Pengamalan agama seharusnya disertai dengan keyakinan bahawa agama bukan didatangkan dengan

tujuan untuk memenuhi keperluan dan hajat seseorang dalam kehidupan akhirat semata-mata bahkan turut merupakan jalan penyelesaian di kehidupan dunia bagi sesiapa yang mengamalkannya.

Rujukan

- Ibrahim M., Nor Hayati S (2007) Budaya dan perubahan sosiobudaya komuniti. in: Nik Fuad Nik Mohd Kamil, Noraien Mansor, Mohd Shaladdin Muda, Muhammad Najit Sukemi (eds) *Komuniti nelayan Kuala Besut: Isu dan perspektif penyelidikan*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Jabatan Perikanan Malaysia. Buku Perangkaan Perikanan Tahunan [cited 14 April 2011]. Available from: <http://www.dof.gov.my/641>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Mastika Hadith Rasullullah s.a.w. [cited 14 April 2011]. Available from: <http://www.Islam.gov.my/mastika-hadis-0>.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000) Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Y (1957) *Tafsir Quran Karim*. PT Hidakarya Agung, Jakarta.
- Muhamad Yussof K (2004) *Muntakhab Hadith*. Klang Book Central, Malaysia.
- Turiman S, Nobaya A, Mohamad Rezal H, Jegak U, Jamilah O, Dzuhaulmi D, Nor Azliza Wanis A (2011) Kajian pembentukan indikator modal sosial dalam kalangan nelayan di Negeri Selangor. Projek Penyelidikan Institut Pengajian Sains Sosial di bawah Geran Fundamental (FRGS), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Zainal AM, Mohamad Rezal H (2006) Kajian peranan mikro kredit dalam meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti tani di Malaysia. Laporan kajian yang tidak diterbitkan. Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA), Universiti Putra Malaysia.